



**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Bil. 27** **Selasa** **28 Mac 2023**

## KANDUNGAN

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI	(Halaman 1)
PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman 11)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 47)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2023	
<b>Jawatankuasa:-</b>	
<b>Jadual:-</b>	
Kepala B.63	(Halaman 48)
Kepala B.64	(Halaman 119)
<b>USUL:</b>	
Usul Anggaran Pembangunan 2023	
<b>Jawatankuasa:-</b>	
Kepala P.63	(Halaman 48)
Kepala P.64	(Halaman 119)

kedudukan dominan dan sebagainya baru kita akan siasat. Itu kuasa kita untuk menyiasat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya jemput Puan Wong Shu Qi, Yang Berhormat Kluang.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor lima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

#### ■1110

5. **Puan Wong Shu Qi [Kluang]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan bagi operasi penyelamat banjir, bantuan kewangan kepada mangsa serta perbelanjaan lain ketika banjir secara terperinci bagi tahun 2022.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) [Datuk Ugak anak Kumbong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kluang. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan yang disalurkan bagi bantuan bencana kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Unit Penyelarasaran Bencana Jabatan Perdana Menteri (ICU) berjumlah RM844,624,000 bagi tahun 2022, Yang Berhormat.

Peruntukan bantuan bencana bagi bantuan wang ihsan (BWI) adalah berjumlah RM261,467,000. Kedua, peruntukan bantuan bencana bagi bantuan barang keperluan asas (BBKA) adalah berjumlah RM487,172,500 dan peruntukan bantuan bencana bagi bantuan pembaikan rumah (BPR) adalah berjumlah RM84,208,000.

Peruntukan bantuan bencana bagi monsun timur laut (MTL) adalah berjumlah RM832,847,500 dan untuk bantuan bencana bagi BWI luar MTL adalah berjumlah RM9,246,500, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak, saya senaraikan, saya bacakan setiap negeri, Yang Berhormat.

Negeri	Ringgit Malaysia
Pahang	178,487,500
Selangor	508,000,621
Kelantan	50,652,500
Kedah	7,811,500
Terengganu	17,016,500
Melaka	21,312,500
Wilayah Persekutuan	5,100,017
Negeri Sembilan	26,446,000
Perak	2,390,500
Johor	9,914,000

Sabah	7,444,000
Sarawak	8,906,500

Bagi Pulau Pinang dan Perlis duit ada tapi tidak diguna dan keseluruhannya Yang Berhormat ialah RM844,624,000.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kluang.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan yang memang jelas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan isu ini. Akan tetapi saya ingin tanya, kalau kita bandingkan dengan statistik pada tahun 2021 dan juga tahun 2019. Apakah kadar peningkatan perbelanjaan untuk banjir operasi penyelamat, wang ihsan bagi mangsa dan sebagainya iaitu kita bandingkan statistik tahun 2022 dengan tahun yang sebelum itu?

Apakah kadar peningkatan itu? Ini adalah penting supaya kita tahu perbelanjaan untuk banjir kita meningkat secara berapa banyak. Penting juga adalah, dengan kerap kali berlaku banjir ini, adakah kerajaan merancang atau sedang mengkaji untuk laksanakan skim insurans rumah- skim insurans banjir untuk meliputi rumah, harta tanah bagi golongan B40 ataupun juga M40, khususnya di kawasan yang terdedah kepada ancaman banjir dengan perubahan iklim? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ugak anak Kumbong:** Panjang betul soalan, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Okey, untuk tahun 2019 sehingga tahun 2020 Yang Berhormat, RM8.6 juta. Jadi, untuk tahun 2020 hingga 2021 jumlahnya RM19.46 juta, tahun 2021 hingga tahun 2022 ialah RM887.9 juta. Selain daripada peningkatan jumlah mangsa yang terlibat dengan bencana banjir ini, peningkatan perbelanjaan juga adalah berikutan kadar pemberian BWI telah dinaikkan daripada dulu RM500 hingga RM1,000 bermula dari bulan September 2021.

Selain daripada itu, peningkatan mendadak perbelanjaan bagi MTL 2021 hingga 2022 pula ialah berikutan dengan kerajaan mengumumkan bantuan tambahan selain daripada BWI meliputi Bantuan Wang Ihsan Kematian ialah RM10,000. Jadi, inilah barang keperluan juga Yang Berhormat, serta bantuan-bantuan pemakaian, pembaikan, bina baharu rumah juga termasuk. Itu kenaikan yang mendadak sedikit. Jadi, bagi golongan B40, kerajaan sedar tentang impak bencana kepada penduduk, terutamanya yang berpendapatan rendah. Bantuan Wang Ihsan bukan pampasan atau ganti rugi terhadap kerosakan rumah dan harta benda.

Ini dialami oleh mangsa-mangsa bencana, ia adalah untuk membantu meringankan beban mangsa buat sementara waktu, Yang Berhormat. Jelas jawapan saya?

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mersing.

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya yang pertama. Berapa lamakah tempoh masa yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan bangsa bencana banjir ini mendapat bantuan yang selayaknya, khasnya Bantuan Wang Ihsan?

Terima kasih juga saya ucapan kepada Yang Berhormat Menteri, sebelum ini membenarkan semua Ahli Parlimen terlibat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah. Soalan kedua saya, adakah terdapat cadangan daripada pihak kerajaan, mekanisme saluran peruntukan terus kepada Ahli-ahli Parlimen untuk memudahkan agihan bantuan bencana ini dibuat? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ugak anak Kumbong:** Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Memang mengikut SOP sedia ada, penyaluran peruntukan BWI kepada kerajaan negeri adalah berdasarkan permohonan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang telah mengumpul maklumat mangsa bencana, yang disahkan oleh pejabat daerah selaku Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah. NADMA tidak menolak sebarang permohonan setelah disahkan oleh kerajaan negeri dan pejabat daerah, Yang Berhormat.

Agihan itu kalau boleh kita dengan secepat mungkin. Ia dibuat segera kerana kita telah menyalurkan peruntukan bantuan itu kepada setiap negeri, Yang Berhormat. Jadi, kita minta pejabat-pejabat daerah dan juga pejabat negeri kalau boleh, salurlah dengan secepat mungkin, kita salurkan peruntukan lebih awal semasa MTL ini, Yang Berhormat. Apa yang kedua tadi, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing]:** Saluran peruntukan kepada Ahli Parlimen, khasnya di kawasan ada bencanalah, untuk mudahkan. Ada cadangan?

**Datuk Ugak anak Kumbong:** Saluran untuk Ahli Parlimen setakat ini tidak ada cadangan, Yang Berhormat. Akan tetapi Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen harus bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana supaya kita selari. Bekerjasama itu akan memupuk satu kerja bersama untuk mengatasi dan memberi bantuan kepada mangsa bencana kita. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Datuk Awang bin Hashim, Pendang.

**Datuk Awang bin Hashim [Pendang]:** *Bismillahi Rahmani Rahim,*

*Allahyarham P.Ramlee ialah pengarah yang mencipta watak enam jahanam,  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, diangkatnya soalan saya nombor enam.  
[Ketawa]*